



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 28 FEBRUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM IMPORT LEBIH 600,000 BIJI KELPA, STABILKAN BEKALAN DOMESTIK, NASIONAL, SH -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	RM5.4b TINGKAT HASIL PADI NEGARA, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	
3.	SENARAI HITAM PENGILANG SABOTAJ BERAS PUTIH TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -3	
4.	CAMPUR BERAS PUTIH: PINDA SEGERA AKTA KAWALAN PADI DAN BERAS 1994, DALAM NEGERI, UM -9	
5.	PENGILANG SALAHKAN KARTEL, MUKA DEPAN, SH -1	
6.	'ANGKARA KARTEL, PENGILANG JADI MANGSA', NASIONAL, SH -2	
7.	APUNG HARGA SILING BERAS TEMPATAN, NASIONAL, SH -3	
8.	HUKUMAN LEBIH BERAT, TARIK LESEN PERNIAGAAN, NASIONAL, SH -3	
9.	TUBUH JAWATANKUASA SIASATAN PERINGKAT TERTINGGI BEBAS, NASIONAL, SH -3	
10.	SEGERAKAN PROJEK PADI 5 MUSIM DALAM DUA TAHUN, NASIONAL, SH -4	
11.	RM15 JUTA BUAT PESAWAH SEMPENA RAMADAN, AIDILFITRI, NASIONAL, SH -4	
12.	BOOSTING PADI HARVESTS WITH FIVE-SEASON PLAN, NATION, THE STAR -2	
13.	PM: SPEED UP KEDAH PADI PLAN, NEWS, NST -3	
14.	BOOSTING NATION'S RICE BOWL, NEWS, NST -4	
15.	HOPES HIGH FOR INCREASED YIELD WITH NEW IIRIGATION, NEWS, NST -4	
16.	IKAN BANDARAYA 'MUSUH' UTAMA HIDUPAN DI SUNGAI PERAK, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
17.	FAMA SASAR JUALAN RM500,000 PROGRAM SEMARAK RAMADAN, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
18.	PASAR TANI TERENGGANU TAWAR HARGA MURAH, NEGARA, KOSMO -15	
19.	32 KAKITANGAN AGROBANK TERIMA SIJIL PERTANIAN AGROBANK-UPM, NIAGA, KOSMO -37	AGROBANK
20.	SULUHAN SYARIAT DALAM ISU BERAS NEGARA, SINAR ISLAM, SH -22	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

KPKM import lebih 600,000 biji kelapa, stabilkan bekalan domestik

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengimport dan mengedarkan 661,761 biji kelapa yang bersamaan 661 tan metrik dengan nilai keseluruhan RM1.45 juta, bagi memastikan bekalan kelapa mencukupi di pasaran tempatan.

KPKM dalam kenyataan memaklumkan bekalan kelapa berkenaan telah ditempatkan di pusat pengedaran utama seperti Pusat Operasi Lembaga Pem pasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Dengkil, Selangor, Pusat Operasi FAMA Senawang, Negeri Sembilan dan Pusat Operasi FAMA Simpang Pulai, Perak.

Menurut KPKM, bekalan ini kemudian akan disalurkan melalui 42 Pusat Operasi FAMA di seluruh negara dan dipasarkan ke *outlet* peruncitan FAMA serta pemborong utama bagi menjamin ketersediaan bekalan di pasaran.

"Usaha ini akan diteruskan sehingga bekalan kelapa dalam negara kembali stabil. Antara negara yang mengeksport kelapa tua ke Malaysia ialah Indonesia, Thailand dan Sri Lanka," menurut

kenyataan itu pada Khamis.

KPKM memaklumkan bagi langkah jangka panjang, Jabatan Pertanian (DOA) telah melaksanakan beberapa inisiatif termasuk program penanaman semula dan penanaman baharu kelapa di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Menurut KPKM, ini melibatkan penghasilan pelbagai anak benih kelapa daripada varieti berproduktiviti tinggi seperti kelapa MATAG, Pandan, Malayan Yellow Dwarf (MYD) dan Malayan Red Dwarf (MRD).

KPKM turut memaklumkan bahawa kawasan tanah yang dikenal pasti dengan kerjasama kerajaan negeri akan digunakan untuk penanaman kelapa bagi meningkatkan pengeluaran domestik, dengan usaha ini melibatkan kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

"Sejak 2016, LPP telah melaksanakan 43 projek penanaman kelapa di seluruh negara dengan keluasan keseluruhan 643.42 hektar melibatkan 123,426 pokok kelapa," menurut kenyataan itu. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Tingkatkan infrastruktur, realisasi tanam padi lima kali dua tahun

RM5.4b tingkat hasil padi negara

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
utusannews@mediamulia.com.my

JERLUN: Kerajaan memperuntukan RM5.4 bilion bagi meningkatkan penghasilan padi negara dengan fokus kepada pembangunan infrastruktur termasuk

bagi merealisasikan penanaman lima kali dua tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebanyak RM1 billion akan disalurkan pada tahun ini bagi menjayakan projek yang memabatkan beberapa fasa itu se-

perti yang diumumkan pada Belanjawan Madani tahun lalu.

“Keseluruhan projek yang kita buat projek ini adalah RM5 bilion. Kita segerakan fasa pertama termasuk menyakin pesawah boleh dilakukan penanaman padi lima musim dalam tempoh

dua tahun di Kawasan Muda.

“Ini juga bukti kerajaan tidak mengabaikan kebajikan pesawah kerana mereka adalah tulang belakang kepada sektor makanan negara.

Bersambung di muka 2



Turun padang

ANWAR Ibrahim melihat kawasan sawah padi yang baru dituai ketika Majlis Peluncuran Projek Pembangunan Infrastruktur Bagi Menyokong Penanaman Padi Lima Musim Dalam Tempoh Dua Tahun di Kawasan Muda, di Kampung Pida 4, Jerlun semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	2

RM5.4b tingkat hasil padi negara

Dari muka 1

“Kerajaan perlu amanah dalam melaksanakan tugas. Apabila saya bersara nanti, semua usaha ini mestilah terus dijalankan,” katanya.

Anwar berkata demikian ketika melancarkan Projek Pembangunan Infrastruktur Bagi Menyokong Program Penanaman Padi Lima Kali Dalam Tempoh Dua Tahun di kawasan Muda di Kampung Pida 4, Ayer Hitam di sini semalam.

Beliau memberitahu, antara yang dibangunkan ialah membina prasarana pengairan termasuk menaik taraf sistem tali air dan Empangan Pedu yang mempunyai pelbagai kepentingan.

Katanya, kerajaan juga mendapatkan kepakaran dari Belanda yang mahir dalam sistem perparitan dan tebatan banjir.

“Perbangunan ini perlu disegerakan bagi memastikan pengairan sawah padi lebih terjamin. Kita sudah merangka satu pelan jangka panjang dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM1 bilion untuk fasa pertama projek ini,” katanya.

Perdana Menteri berkata, peruntukan RM1 bilion untuk satu kawasan bukan jumlah yang kecil dan perkara itu tidak boleh dipandang ringan.

“Seperti juga masalah tebatan banjir jika tidak diselesaikan, ia bukan sahaja merosakkan tanaman tetapi juga menjejaskan kehidupan rakyat,” katanya.

Anwar turut mengambil maklum mengenai keluhan petani berhubung isu benih dan baja yang didakwa kurang berkualiti sehingga memberi kesan kepada hasil padi.

Sehubungan itu, beliau mahu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengadakan perbincangan bersama pihak terlibat termasuk para pesawah bagi mencari penyelesaian berhubung



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan sebahagian pelajar ketika hadir ke Majlis Ramah Mesra Bersama Pelajar Universiti Antarabangsa Albukhary di Alor Setar, semalam. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

perkara itu.

“Ada orang cadangkan gunakan benih padi yang digunakan di Sekinchan tetapi kajian mendapati benih itu tidak sesuai untuk tanah di Kedah. Di Vietnam pun, benih digunakan di selatan negara itu tidak sama dengan benih ditanam di kawasan utara.

“Bab baja pula, memang yang dikeluarkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di kilang dekat Gurun itu bagus namun banyak masalahnya. Kita mahu masalah ini diselesaikan dan pihak kementerian adakan perbincangan dengan pesawah bagi mencari benih serta baja terbaik,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, separuh daripada sumbangan berjumlah RM30 juta yang diberikan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary melalui Bernas akan disalurkan dalam masa terdekat kepada pesawah sebagai persiapan menyambut Ramadan dan Syawal.

“Saya nak ucap terima kasih

kepada Bernas khususnya Syed Mokhtar kerana apabila saya ambil alih jawatan Perdana Menteri, saya katakan padanya daripada Bernas beri wang kepada parti politik, lebih baik beri kepada pesawah.

“Sebab itu dari tahun lepas, beliau beri RM50 juta. Tahun ini diberi lagi tambahan RM15 juta untuk pesawah gunakan buat persiapan Ramadan serta Aidilfitri,” katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada Sesi Ramah Mesra Pelajar Universiti Antarabangsa Albukhary (AIU) di Alor Setar, Anwar berkata, kerajaan perlu menggunakan kuasa yang ada untuk memberi fokus kepada ekonomi dan pendidikan berkualiti agar dapat mengembalikan keyakinan terhadap dunia Islam yang mengalami defisit kepercayaan.

“Apa yang kurang dalam dunia Islam sekarang? Defisit kepercayaan. Kita tidak lagi percaya kepada perjuangan, pengorbanan dan sumbangan yang sebenar,” kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Senarai hitam pengilang sabotaj beras putih tempatan

Oleh FITRI NIZAM

utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan digesa mengambil tindakan tegas dengan menyenarai hitamkan pengilang yang mensabotaj bekalan beras putih tempatan (BPT) dengan mencampurkan ke dalam kampil beras import bagi mengaut keuntungan berlipat ganda.

Pengilang yang tidak bertanggungjawab itu juga perlu dikenakan hukuman denda setimpal dengan jumlah kerugian ketirisan subsidi beras putih tempatan.

Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Nur Asyikin Aminuddin berkata, tindakan tegas sedemikian perlu diambil supaya menjadi pengajaran kepada semua pihak agar dapat menjalankan amalan pertanian lebih beretika di negara ini.

“Pihak tersebut perlu melaksanakan jualan amal beras import yang sedang berada di pasaran sekarang sebagai rasa tanggungjawab terhadap majoriti pengguna yang terkesan akibat perbuatannya mereka.

“Mereka perlu menurunkan harga beras import tersebut kerana disebabkan amalan yang tidak beretika itu telah mengakibatkan bekalan beras tempatan kita tidak stabil malah seolah-olah hilang dari pasaran kita selama setahun lebih.

“Malah disebabkan skandal tersebut, pengguna pula perlu membayar lebih demi sekampit makanan ruji,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan bahawa kira-kira 50 peratus beras putih import yang berada di pasaran negara ini telah dicampur dengan beras putih tempatan.

Perkara itu disahkan oleh

Institut Penyelidikan dan Ke-majuan Pertanian Malaysia (MARDI) melalui analisis yang dilakukan ke atas 5,000 sampel kampil beras import sejak tahun lalu.

Pengarah Pusat Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Dr. Muhammad Zamharir Ahmad berkata, pihaknya membuat analisis terhadap lebih 5,000 sampel kampil beras dengan logo import yang dihantar oleh agensi penguat kuasa sejak 2023.

Katanya, sampel-sampel itu diperolehi hasil serbuan Sekyen Kawal Selia Padi dan Beras serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di seluruh negara.

Nur Asyikin berkata, skandal beras putih tempatan itu menunjukkan kelemahan dalam pemantauan dan penguatkuasaan daripada pihak berwajib.

Dalam situasi seperti ini, katanya, ketelusan dalam peng-

rusan dan pemantauan industri beras sangat penting untuk memastikan bahawa produk yang sampai kepada pengguna adalah berkualiti, selamat, dan tidak mengelirukan.

“Pihak berwajib seharusnya lebih proaktif dalam melakukan pemeriksaan berkala dan memastikan standard produk dipatuhi. Mereka juga perlu memperkukuhkan sistem pengesanan, supaya sebarang penyelewengan atau manipulasi terhadap produk seperti beras dapat dikesan lebih awal.

“Jika pihak berwajib tidak menangani punca asas berkaitan dengan amalan pertanian yang tidak beretika di kalangan industri, maka isu ini tidak akan dapat diselesaikan secara menyeluruh.

“Isu ini akan terus berulang dan memberi kesan negatif kepada pengguna serta ekonomi secara keseluruhan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Campur beras putih: Pinda segera Akta Kawalan Padi dan Beras 1994

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
hafiz.mutalib@mediamulla.com.my

KANGAR: Kerajaan perlu segera meminda Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil kepada pihak tidak bertanggungjawab mencampurkan beras putih import dan tempatan, sehingga menyaksikan bekalan beras tempatan tidak ada di pasaran sebelum ini.

Pada masa ini, tidak ada sebarang tindakan atau undang-undang yang boleh dikenakan terhadap perbuatan tersebut yang menyaksikan isu manipulasi berkenaan terus berlarutan.

Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, tindakan mencampurkan beras itu tidak boleh disifatkan sebagai jenayah kerana tidak ada satu peruntukan undang-undang menggenainya di dalam akta tersebut.

Katanya, Akta 522 itu perlu dipinda bagi mengelak pemipuan



MOHD. SHAZWAN SUBAN

tersebut terus berleluasa yang akhirnya memberi kesan kepada rakyat berikutan ketiadaan bekalan beras tempatan.

"Isu berkenaan sering kali dibangkitkan namun tidak memberi sebarang kesan kerana tidak ada tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada pemبورong atau peruncit ini.

"Gunakan ruang dalam sesi sidang Dewan Rakyat ketika ini bagi segera meminda akta tersebut kerana isu padi dan beras ini

sangat penting yang perlu menjadi keutamaan dan diberikan perhatian dengan segera.

"Pindaan itu juga penting bagi meningkatkan penguatkuasaan ke atas pengilang, pemبورong dan peruncit sekali gus membendung kegiatan menukar beras tempatan menjadi beras import," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Akta 522 ketika ini tidak menyenaraikan kesalahan mencampurkan beras tempatan dengan beras import. Sebaliknya hanya menetapkan tujuh jenis kesalahan antaranya menyorok beras dengan tujuan mewujudkan kekurangan bekalan, menjual beras secara borong atau runcit tanpa lesen serta menjualnya melebihi harga kawalan.

Semalam *Utusan Malaysia* melaporkan, kira-kira 50 peratus beras putih import yang berada di pasaran negara ini telah bercampur dengan beras putih tempatan.

Perkara itu disahkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

melalui analisis yang dilakukan ke atas 5,000 sampel kampil beras import.

Dapatan ini sekali gus menjawab persoalan ke mana hilangnya beras putih tempatan di pasaran yang sudah berlarutan sejak dua tahun lalu.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* pernah mendedahkan kebanyakan kilang padi besar yang mempunyai pemبورong sendiri didakwa telah lama mencampurkan beras tempatan dan import seterusnya menjual dengan harga beras import yang menjadi antara faktor ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran.

Sementara itu, Shazwan berkata, langkah kerajaan memperkenalkan beras putih tempatan (BPT) bersubsidi pada harga RM26 bagi 10 kilogram (kg) diharapkan mengembalikan beras tempatan di pasaran selepas sekian lama masalah itu berlarutan akibat tindakan mencampurkan beras ini.

Katanya, jumlah 24 juta kampil beras dalam tempoh enam bulan

itu dianggarkan merangkumi 34 atau 36 peratus rakyat negara ini yang sekurang-kurangnya dapat membantu mereka mendapatkan beras tempatan.

"Bagaimanapun, kerajaan juga perlu memastikan beras subsidi itu sampai kepada rakyat Malaysia bukannya warga asing.

"Ja memerlukan satu mekanisme yang betul bagi memastikan ia benar-benar sampai kepada golongan sasaran bukannya ada warga asing yang turut menikmati beras subsidi itu.

"Sudah lama rakyat Malaysia tidak merasai harga beras RM26 ini dan langkah tersebut diharapkan dapat membantu rakyat. Selepas ini, kita harap tidak ada lagi isu ketiadaan beras tempatan di pasaran," katanya.

Seorang pesawah, Zaidi Nasir, 39, pula berkata, isu mencampurkan beras putih import dan tempatan seterusnya dijual pada harga import sememangnya berlaku dan akhirnya ia dibuktikan hasil analisis MARDI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

SKANDAL BERAS CAMPUR PENGILANG SALAHKAN KARTEL

MUKA 2 & 3



**RM15 juta
buat
pesawah
sempena
Ramadan,
Aidilfitri**

4

Perdana Menteri meninjau petak sawah padi yang baru dituai selepas pelancaran Projek Pembangunan Infrastruktur bagi menyokong Program Penanaman Padi Lima Musim di Kampung Pida, dekat Jerlun, Kedah.

■ Pelbagai pihak menggesa kerajaan mengenakan hukuman berat termasuk penjara selain menarik balik lesen pengilang yang terbukti mencampurkan beras tempatan ke dalam pek beras import untuk dijual pada harga mahal susulan pendedahan kajian oleh MARDI.

■ Bagaimanapun, Persatuan Pengilang Melayu Malaysia menafikan pihaknya terbabit dalam skandal beras campur tersebut, sebaliknya mendakwa empat syarikat kartel beras adalah dalang sebenar kegiatan berkenaan sehingga beras putih tempatan hilang daripada pasaran.

■ Pada masa sama, pakar industri tani mencadangkan kerajaan mengapungkan harga siling beras tempatan sebagai salah satu langkah terbaik jangka panjang, atas alasan tiada lagi keperluan untuk pihak terlibat menipu dalam pembungkusan jika harga beras tempatan tidak jauh beza dengan beras import.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

'Angkara kartel, pengilang jadi mangsa'

Persatuan pengilang dakwa empat syarikat kartel terbabit skandal campur beras tempatan, import

SHAH ALAM

Beras putih tempatan (BPT) yang disahkan dicampur dalam kampilit beras import sebelum dijual di pasaran didakwa berlaku sejak puluhan tahun dahulu angkara kartel, namun tiada tindakan serius diambil sehingga hasil kajian didedahkan pada Rabu.

Pengerusi Pengilang Beras Melayu Malaysia, Mohamad Termizi Yob berkata, pengesahan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berkenaan bukan perkara yang mengejutkan kerana pihaknya sendiri telah memaklumkan perkara tersebut kepada Kementerian berkaitan sejak sekian lama.

Dakwanya, lebih mengecewakan apabila kini pihak pengilang menerima tempas dan dipersalahkan sedangkan terdapat kartel yang sepatutnya dipertanggungjawabkan.

"Perbuatan campur beras ini dari dulu berlaku bukan sekarang sahaja, sudah puluhan tahun. Senang cerita sudah puluhan tahun berlaku rasuah. Cuma orang tak cerita (dedahkan) sahaja."

"Kami (pengilang bumiputera) dah lama beritahu pada Kementerian-kementerian ini tapi tak jalan (tiada tindakan). Bila betul (disahkan beras campur) persatuan pengilang akan kena (jawab) dengan Kementerian," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Rabu lalu, MARDI mendedahkan sekitar 40 hingga 50 peratus beras import daripada 5,000 sampel yang dianalisis disahkan bercampur dengan BPT, sekaligus membuktikan cakap-cakap bahawa



BPT telah dicampur dalam kampilit beras import sebelum dijual di pasaran pada harga mahal adalah benar.

Menurut MADRDI, kajian yang dijalankan sepanjang 2023 dan 2024 itu menggunakan sampel yang diambil daripada pengilang.

Mengulas lanjut, Mohamad Termizi mendakwa, terdapat empat syarikat dipercayai menjadi kartel beras dan menggesa ia dipecahkan dengan mengambil kira kepentingan pengilang bumiputera yang lain.

"Adakah orang Melayu tak ada duit nak berniaga? Di manakah hak Melayu sekarang? Saya ada kilang, saya ada mesin beras, senarai pengedaran dan lori, tapi hari ini bulat-bulat kami ditindas," katanya.

Berikutan itu, beliau mempersoal sama ada pihak berkuasa akan bertindak



TERMIZI

ke atas kartel yang didakwa memanipulasi bekalan beras di pasaran.

"Sudah disahkan ada beras campur, soalnya adakah kartel ini akan diambil tindakan? Sebanyak 400,000 beras tempatan (untuk keluarga miskin), kartel juga yang dapat untung, sedangkan kami tak dapat apa-apa," ujarnya.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan sebanyak 24 juta beg 10 kilogram BPT bersubsidi akan berada di pasaran seluruh Semenanjung bermula Sabtu ini.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, pembelian BPT bersubsidi itu dihadkan kepada dua kampilit setiap bulan bagi 400,000 ketua isi rumah miskin dan dijual pada harga RM26 sekampilit.

REAKSI

“

Kerajaan perlu menyelesaikan segera isu beras putih tempatan dicampur beras import dan mengambil tindakan terhadap semua pihak terlibat kerana tindakan sedemikian menipu rakyat. Pembangkang meminta Menteri KPKM mengambil tanggungjawab terhadap isu ini. Pembangkang telah lama mendesak kerajaan untuk melakukan kajian dan hari ini terbukti benar apa yang disuarakan itu adalah satu fakta."

-Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin



“

Menteri KPKM dan KPDM tidak perlu menunggu pindaan Akta Kawalan Beras dan Padi 1994 dibentangkan di Parlimen untuk bertindak terhadap kilang, pemborong dan peruncit yang terbabit. Kerajaan boleh guna beberapa akta sedia ada untuk menyiasat, menahan dan mendakwa pihak tidak bertanggungjawab berkenaan, membatalkan Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Makanan 1983."

-Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim



“

Beras putih tempatan hilang sebab ada petualang yang menipu rakyat! Saya minta biar petualang-petualang yang dikatakan MARDI ini ditarik balik lesen mereka. Sudah tiba masanya kita kena perkasakan pesawah. Biar pesawah ambil padi, proses dan dijadikan beras, daripada mereka menjual kepada pengilang dengan harga RM1.50 sekilo atau RM1,500 untuk satu tan. Lebih baik mereka proses dan mereka boleh jual terus kepada rakyat. Pesawah dapat jual harga lebih tinggi dan rakyat dapat beli harga RM26."

-Ketua Pemuda UMNO, Dr Muhammad Akmal Saleh



Apung harga siling beras tempatan

Elak ada pihak ambil kesempatan campur beras putih tempatan dengan beras import

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
SHAH ALAM



Mengapungkan harga siling beras tempatan adalah langkah terbaik bagi mengelakkan berlakunya isu ada pihak yang mengambil kesempatan mencampurkan beras putih tempatan dengan beras import.

Pensyarah Kanan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia, Dr Muhammad Firdaus Sulaiman berkata, apabila harga beras tempatan boleh bersaing dengan beras import, hampir tiada keperluan untuk pengilang menipu dalam pembungkusan.

"Pada saya apa yang berlaku kini adalah disebabkan *survival mechanism* untuk mereka yang terlibat dalam rangkaian bekalan padi kerana margin keuntungan bagi beras tempatan adalah terlalu kecil.

"Saya juga melihat tidak perlu adanya peraturan baharu untuk mengatasi masalah ini kerana peruntukan undang-undang sedia ada sudah memadai. Apungkan harga siling beras tempatan adalah langkah yang paling utama.

"Mekanisme yang sedia ada

Pemeriksaan berkala boleh dijadikan sebagai amalan berterusan untuk memastikan ketulenan beras yang berada di pasaran. Gambar kecil: Muhammad Firdaus

dalam Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) juga sudah cukup untuk mengatasi isu ini. Tidak perlu untuk diwujudkan jawatankuasa khas atau suruhannya sia-sian," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Belliau berkata demikian ketika ditanya tentang pendedahan yang dibuat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), bahawa sekitar 40 hingga 50 peratus beras import daripada 5,000 sampel yang dianalisis disahkan bercampur dengan beras putih tempatan (BPT).

Kajian yang menggunakan teknologi pengcapiarian asid

deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang tahun 2023 dan 2024, sekali gus menokhtahkan spekulasi bahawa beras putih tempatan telah dicampur dalam kampil beras import sebelum dijual di pasaran.

Tambah Muhammad Firdaus, pemeriksaan berkala seperti yang dijalankan oleh MARDI itu boleh dijadikan sebagai amalan berterusan untuk memastikan ketulenan beras yang berada di pasaran.

Pada masa sama, beliau berkata bahawa pensampelan rawak termasuk di kilang dan pasaran perlu dijalankan.

"Wujud atau tidak kartel perlu dibuktikan bukan sekadar dakwaan. Perlu diingat pengilang yang didakwa sebagai kartel ini memberi khidmat yang penting dalam rantaian bekalan beras," jelasnya.

Hukuman lebih berat, tarik lesen perniagaan

SHAH ALAM - Gantung atau batal lesen selain hukuman penjara dan denda boleh dikenakan terhadap petualang yang didapati mencampurkan beras import dan beras putih tempatan.

Felo Penyelidik, Institut Hal Ehwal Antarabangsa dan Diplomasi Asia (AI Pengajian Antarabangsa) Universiti Utara (UUM), Profesor Bakri Mat berpuhukuman setimpak kenakan sehingga kan bagi membantahan terhabat

Menurutnya, hukuman penjara selain denda lebih tinggi dan penarikan lesen perniagaan perlu dilaksanakan bagi memastikan pemain industri mengambil serius peraturan yang dikuatkuasakan.

"Isu ini boleh dilihat dalam beberapa sudut sama ada manipulasi bekalan beras bersubsidi, pemalsuan atau pernyataan mengelirukan dan unsur penipuan selain perbuatan jenayah.

"Jika ia sebagai satu bentuk penipuan komersial yang jelas di bawah Seksyen 415 dan 420 Kanun Keseksaan, di mana pengguna telah diperdaya melalui penyamaran beras tempatan sebagai beras import, saya berpendapat ada- lah perlu hukuman yang berat dikenakan termasuk penjara dan denda," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, Bakri berkata, pihak yang terlibat juga



BAKRI

boleh disiasat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 kerana maklumat palsu mengenai sumber dan kualiti beras kepada pengguna.

"Saya menyokong tindakan memperkenalkan denda yang lebih tinggi terhadap pengilang atau pe-

niaga yang terlibat, agar mereka sadar bahwa kesalahan sebegini tidak boleh dipandang ringan," katanya.

Dalam pada itu, Bakri berkata, dalam aspek kawalan harga dan pengedaran, Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 memainkan peranan penting dalam memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menaikkan harga beras secara tidak wajar melalui manipulasi bekalan.

"Bagaimanapun, saya percaya pihak yang wajib lebih arif tentang perkara ini, khususnya agensi-agensi kerajaan yang berkait dengan aktiviti pemantauan, penguatkuasaan dan perundangan," katanya.

Dalam isu sama, beliau berkata, Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 boleh digunakan kerana memberikan kuasa kepada kerajaan untuk mengawal industri padi dan beras, termasuk pengeluaran, pemprosesan, dan pendedaran.

"Jika akta ini dikuatkuasakan lebih ketat, pihak yang bertanggungjawab terhadap ketinisan beras bersubsidi boleh dikenakan tindakan, dan ini akan membantu mengembalikan ketelusan dalam industri beras negara," katanya.

Tubuh jawatankuasa siasatan peringkat tertinggi bebas

SHAH ALAM - Satu jawatankuasa penyiasatan peringkat tertinggi yang bebas patut diwujudkan bagi menyelesaikan isu penipuan pihak tertentu yang mengambil kesempatan mencampurkan beras putih tempatan dengan import.

Penganalisis ekonomi dari UniKL Business School Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, jawatankuasa itu juga boleh memainkan peranan dan berikan cadangan yang tepat kerajaan dalam membuat sebarang perubahan termasuk polisi kerajaan.



AIMI ZULHAZMI

Menurutnya, ia termasuklah melihat kepada kesesuaian untuk mewujudkan akta baharu atau undang-undang khusus untuk memastikan ia tidak berulang lagi.

"Pendedahan tentang penemuan campuran beras putih tempatan dan import ini boleh dikatakan sebagai satu kejutan besar, terutamanya ia melibatkan rantaian bekalan makanan utama negara iaitu beras.

"Jadi amat perlu siasatan yang lebih dalam kepada industri ini yang digembar-gemburkan di bawah kelolaan kartel selama berdekad lamanya.

"Ia memberi kesan kepada rakyat secara

keseluruhannya dan khasnya kepada para petani, terutamanya yang tinggal di luar bandar. Begitu juga bagi yang menerima bantuan kerajaan bermula dari benih padi, baja, racun dan penetapan harga lantai padi yang baru-baru ini dinaikkan kepada RM1,500 satu tan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Tambah Aimi Zulhazmi, masalah itu perlu diselesaikan secepat mungkin kerana ia memberi kesan kepada kewangan kerajaan, produktiviti para petani dan bekalan makanan rakyat Malaysia.

"Kerajaan juga perlu menilai semula semua pemain industri atau menghapuskan kartel yang wujud supaya para petani tidak lagi tertekan dengan harga yang tidak logik," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

Segerakan projek padi 5 musim dalam dua tahun

Anwar harap para pesawah dapat memberikan kerjasama bagi menjayakannya

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
JERLUN

Projek tanam padi lima musim dua tahun perlu disegerakan dan kerajaan negeri dengan kerjasama agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) perlu bersama meningkatkan produktiviti pesawah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, projek tersebut antara yang diberikan tumpuan pihaknya dan berharap para pesawah dapat memberikan kerjasama bagi menjayakannya.

Menurutnya, antara yang telah disegerakan adalah mempercepatkan pengambilan tanah bagi menaik taraf infrastruktur sistem pengairan dan memberikan laporan kemajuan projek dari semasa ke semasa kepada kementerian.

"Semua agensi perlu berikan laporan segera, kita kena percepatkan projek ini, tak boleh sambil lewa, apabila kita lambatkan ia akan bebankan petani."

"Sebab itu, para petani jangan marah banyak, bagi saya ini bukan pasal perbezaan politik, saya nak yakinan



Anwar (tengah) meninjau kawasan sawah yang telah dituai selepas melancarkan projek pembangunan infrastruktur bagi menyokong program penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di Jerlun pada Khamis.

pesawah ini bahawa kerajaan boleh lakukan (bantu pesawah)," katanya di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian semasa berucap melancarkan projek pembangunan infrastruktur bagi menyokong program penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun di kawasan Muda di Kampung Pida 4, Ayer Hitam dekat sini.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

Menurut Anwar, produktiviti sawah padi masih berada pada tahap yang rendah dan hal ini menimbulkan pelba-

gai masalah, termasuk isu harga padi dan cabaran yang dihadapi oleh pengilang.

Katanya, bagi tujuan tersebut, kerajaan telah merangka satu pelan jangka panjang dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM1 bilion untuk fasa pertama projek ini.

"Saya telah berunding dengan pesawah, pegawai kerajaan negeri, dan Menteri Pertanian untuk mencari penyelesaian."

"Salah satu cadangan utama ialah membangunkan prasarana pengairan, termasuk menaik taraf sistem tali air dan empangan, seperti Empangan Pedu yang mempunyai kepentingan besar," katanya.

RM15 juta buat pesawah sempena Ramadan, Aidilfitri

JERLUN - Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM15 juta kepada pesawah di seluruh negara sebagai persediaan menyambut Ramadan dan Aidilfitri tidak lama lagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bantuan tersebut adalah sebahagian peruntukan tambahan RM30 juta yang disalurkan oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas) bagi membantu pesawah miskin di negara ini.

"Saya minta Tan Sri Syed Mokhtar bantu pesawah kerana Bernas memperoleh keuntungan daripada mereka."

"Beliau bersetuju menyumbang RM30 juta dan daripada jumlah itu, RM15 juta akan disalurkan segera kepada pesawah untuk persiapan Ramadan dan Aidilfitri," katanya di sini pada Khamis.

Beliau berkata demikian semasa peluncuran Projek Pembangunan Infrastruktur bagi Menyokong Program Penanaman Padi Lima Musim dalam Tempoh Dua Tahun di Kampung Pida 4, Ayer Hitam di sini.

Menurut Anwar, pendekatan tersebut digunakan oleh kerajaan pada hari ini membantu terus golongan di bawah menerusi sumbangan tokoh korporat.

Anwar berkata, beliau boleh sahaja meminta bantuan korporat untuk PKR, seperti yang pernah diamalkan oleh parti-parti tertentu sebelum ini, namun memilih untuk membela pesawah.

"Ini cara kita. Kita tidak gunakan wang korporat untuk politik, tetapi untuk rakyat, khususnya pesawah yang bergantung kepada sektor ini untuk meneruskan kehidupan," ujar beliau.

Pada 13 Februari lalu, Anwar mengumumkan bahawa Syed Mokhtar melalui Bernas bersetuju menyalurkan RM30 juta sebagai tambahan kepada usaha kerajaan dalam membantu golongan pesawah yang kurang berkemampuan.

Kerajaan peruntuk RM35 juta untuk sokong ekosistem wakaf

PUTRAJAYA - Kerajaan memperuntukkan RM35 juta untuk menyokong ekosistem wakaf negara menerusi program biasiswa dan modal awal pembentukan entiti permodalan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jumlah itu merangkumi RM30 juta untuk program biasiswa wakaf pendidikan dan RM5 juta sebagai modal awal pembentukan Permodalan Waqaf Nasional Berhad (PWNB).

Menurutnya, program biasiswa pendidikan itu dikenali sebagai MyWakaf PTPN diuruskan bersama Yayasan Wakaf Malaysia dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

"MyWakaf PTPN bertujuan membantu mahasiswa dari kalangan asnaf, M40 dan B40 manakala PWNB pula khusus bagi membantu pembangunan kewangan sosial Islam (waqaf, baitulmal, zakat)," katanya dalam ucapan perasmian Bulan Wakaf Kebangsaan di sini pada Khamis.

Menurut Anwar, kerajaan juga tidak akan

mengetepikan tanggungjawabnya untuk menggunakan dana dengan bertanggungjawab dan tidak menyalahgunakan kuasa atau menggunakan kedudukan untuk memperkayakan diri.

"Seluruh jentera kerajaan, majlis-majlis agama atau pendakwah memberikan kesedaran bahawa dalam Islam ini bukan sekadar kamu harus 'menyakau' harta, tetapi harta yang kamu ada itu harus kamu mampu mewakafkan," ujar beliau.

Menurutnya, golongan berpendapatan rendah tidak mungkin diharapkan untuk menyumbang kepada wakaf sebaliknya membiarkan orang kaya berbilion ringgit harta terus dibiarkan mengaut kekayaan.

"Bagaimana mungkin dalam sistem pengurusan negara dan tatakelola kita mohon orang yang gajinya RM3,000 minta didermakan RM100 atau wakaf RM100."

"Dan orang yang kaya mencuri ratusan juta ringgit pula dibiarkan sahaja perkara itu," katanya.



Anwar (tengah) ketika melakukan gimik pelancaran Bulan Wakaf Kebangsaan di Putrajaya pada Khamis.

FOTO: BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

Boosting padi harvests with five-season plan

By **IMRAN HILMY**
imran@thestar.com.my

ALOR SETAR: Harvesting rice from padi fields five times every two years must be fully entrenched within two years in Kedah's Muda region.

For generations, padi farmers have harvested only twice a year, and since the agri-technology for five harvests every two years is available, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim wants the farmers and agricultural authorities to embrace it.

He said the effort to accelerate the project was important as it would enrich padi farmers and the country's food security.

"Among the efforts that can be done are expediting land acquisitions to upgrade irrigation systems and requiring the agencies to provide regular progress reports to the ministry," he said yesterday after launching the

RM1bil infrastructure project to support the five-season padi planting programme every two years in the Muda region at Kampung Pida 4, Ayer Hitam.

Anwar said agencies under the ministry must submit reports promptly to keep abreast of issues and avoid complacency.

He said the delays would only burden the farmers and, at the same time, the country's agricultural progress.

He said the federal government was trying its best to help padi farmers and this infrastructure project was part of efforts to help them and the industry.

"Farmers should not be angry and upset, as this is not about political differences," he said.

Anwar said the government had assured the farmers that it was capable of helping and upgrading their livelihood.

Earlier, Anwar launched a RM1bil infrastructure project in

Fields of gold: Anwar visiting a padi field after launching the RM1bil infrastructure project at Kampung Pida 4, Ayer Hitam. — Bernama



Muda Agricultural Development Authority (Mada) padi fields.

The project includes the comprehensive rehabilitation of the Pedu Dam and the construction of 15 blocks of tertiary irrigation systems for Mada padi fields.

The dam, completed in 1966, is the primary source of irrigation for the Mada padi fields, which stretch from Perlis to Kedah.

The project cost includes six years of maintenance for the tertiary irrigation systems and seven

years for the Pedu Dam.

In a press conference, Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh said the 15 blocks would cover 10,730ha of padi fields across Mada's four regions: Perlis, Jitra, Pendang, and Kota Sarang Semut.

IRRIGATION PROJECTS

PM: SPEED UP KEDAH PADI PLAN

PM wants ministry, Kedah govt to work together to boost padi production

ADIE ZULKIFLI

JERUN

news@nst.com.my

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim urged the Agriculture and Food Security Ministry and the Kedah government to collaborate in expediting the implementation of the two-year, five-season padi cultivation programme.

This initiative will be carried out in areas under the Muda Agricultural Development Authority (Mada).

He said the effort included accelerating land acquisition to upgrade irrigation and providing progress reports to the ministry.

"Agencies must submit reports fast. We need to accelerate the process and cannot be complacent. Delays will burden farmers.

"This expenditure must be fast-tracked to ensure more reliable irrigation for padi fields.

"We have drawn up a long-term plan with an estimated budget of RM1 billion for the first phase of this project.

"That's why farmers should not be upset. For me, this is not about political differences. I want to assure them that the government can take action to support them."

Anwar was speaking at the launch of Phase 1 of the infrastructure project to support the five-season padi planting programme in the Muda region in Kampung Pida 4, Ayer Hitam.

Present were Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu and Kedah Menteri Besar Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

The project includes the rehabilitation of the Pedu Dam and the construction of 15 blocks of tertiary irrigation systems for Mada padi fields. It covers nearly 11,000ha of padi and will benefit 6,172 farmers.

The project cost includes six years of maintenance for the tertiary irrigation systems and sev-

en years for the Pedu Dam.

Anwar said Phase 1 was part of the RM5 billion his administration pledged to boost padi production in Kedah.

He said the government was committed to solving issues farmers raised, such as padi floor price and challenges faced by millers, but the problem would persist if productivity remained stagnant.

"I have engaged in discussions with farmers, state government officials and the agriculture minister to find a solution.

"One of the proposals is to develop irrigation infrastructure, including upgrading canal systems and dams, such as the Pedu Dam, which plays a crucial role.

"The cost of developing irrigation systems is high and requires significant funding, but we have to carry out the project.

"For example, in the 1990s, we had agricultural machinery that were outdated and rusty. We had to seek expertise from the Netherlands, one of the world's most skilled nations in drainage and flood mitigation systems."

He hoped the project would reduce the waiting period for water

supply from 40 days to 10.

He said it was important to view the agricultural sector as not just an economic issue, but also a matter of national food security.

"We must work together to ensure the success of this plan for the future of our farmers and the country."

Anwar told the ministry to address farmers' complaints on the poor quality of government-subsidised accredited padi seeds.

"We will work to resolve all issues raised by farmers. I acknowledge that many have expressed dissatisfaction with the quality of the padi seeds.

"I want Mat Sabu to look into this. I want farmers to receive paid seeds that meet their quality expectations.

"So, discuss this issue with farmers and address this issue properly."

He announced that half of the RM30 million cash aid from Padiberas Nasional Bhd would be disbursed to padi farmers soon.

He said the RM15 million cash aid aimed to ease farmers' burden in preparing for Ramadan and Hari Raya Aidilfitri.

FOOD SECURITY

BOOSTING NATION'S RICE BOWL

Mada allocates RM5.4b to help Kedah farmers raise rice production

ADIE ZULKIFLI
JERUNJUNG

FOR decades, Kedah has been the nation's rice bowl, producing more than 40 per cent of the food production of this staple food. The backbone of the farmers, who have inherited the padi fields from their ancestors.

Around 54,000 farmers, the majority of whom are aged between 40 and 60, are working on the Mada Agricultural Development Authority (Mada).

In addition, thousands of farmers outside the Mada area in the Kedah region have seen a significant decline in rice production.

However, the past decade has seen a significant decline in yield.

"At its peak, Mada contributed



Datuk Dr Ismail Salleh

about 40 per cent of the national rice production, but this has since dropped to 37 per cent," Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh told the *New Straits Times*.

"We used to produce an average of six tonnes per hectare around 10 years ago, but it has since decreased to an average of five tonnes per hectare."

The falling yields not only affect the farmers but also the nation's food security.

"Some 400ha of padi fields were submerged by the floods last year."

"A huge blow to the affected farmers already suffering from dwindling yields over the years," he told the *New Straits Times*.

Similar issues are also plaguing other parts of the country.

In view of the Mada Agriculture Development Authority (Mada) and other padi plantation sites in Kedah.

"Improving the farmers' access to light at the end of the tunnel after Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim launched a RM5 billion infrastructure project to support the proposed five cultivation seasons every two years in the next four years," he said.

"We are thankful to the prime minister and the Agriculture and Food Security Ministry for attend-

He said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim was well aware of the challenges faced by farmers and the critical importance of achieving food security.

"Typically, infrastructure projects under Mada are carried out in phases based on the Malaysia Plan every five years. However, the prime minister insisted that these projects be expedited to ensure that the nation's food security is not compromised."

He said the RM5.4 billion allocated for these projects demonstrated the government's commitment to improving the livelihoods of farmers and ensuring food security.

Yesterday, Anwar launched a RM5.4 billion infrastructure project to improve the livelihoods of farmers and ensure food security.

"Once all these projects are completed, we aim to increase farmers' income by enabling five cultivation seasons every two years, which will enable them to earn more from the same padi plots they are working on."

"We also hope to achieve the nation's 80 per cent self-



Halim Saifuddin

ing to our plight," Halim said. "We hope once the tertiary irrigation systems are completed, it will significantly boost our yield up to eight tonnes per hectare."

"Therefore, we are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

"We are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

"We are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

"We are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

"We are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

election for Mada padi fields, which stretch from Perlis to Kedah.

The project cost includes six years of maintenance for the tertiary irrigation systems and seven years of maintenance for the tertiary irrigation systems.

Ismail said the 15 blocks would cover 10,730ha of padi fields across Mada's four regions — Perlis, Alor, Pendang and Kota Bharu. The project will benefit around 5,000 farmers, with a target yield increase to at least 5.9 tonnes per hectare upon completion in four years.

"These blocks represent 15 per cent of the total area under cultivation in Mada, which is needed to be upgraded to the tertiary irrigation system."

He said the "Jenjang Transfer" project, which will boost Kedah's rice production, was expected to increase the yield of the padi fields from 5.4 to 5.9 tonnes per hectare, the RM5.4 billion initiative.

"Once all these projects are completed, we aim to increase farmers' income by enabling five cultivation seasons every two years, which will enable them to earn more from the same padi plots they are working on."

"We also hope to achieve the nation's 80 per cent self-



Muhammad Idris Zakaria

ensure healthy growth of the nation's rice production.

"Unfortunately, we are unable to do that with the ageing irrigation system, resulting in poor yields."

"Therefore, we are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

"We are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

"We are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

"We are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

"We are banking on tertiary irrigation systems to improve the yield. We are grateful that the government has responded to our plight," he said.

Ikan bandaraya 'musuh' utama hidupan di sungai Perak

PADANG RENGAS - Ikan bandaraya atau nama saintifiknya *hypostomus plecostomus* kini adalah 'musuh' utama yang mengancam hidupan sungai di Perak.

Pengarah Perikanan negeri, Mohd. Ghazali Abd. Manap berkata, ikan tersebut paling banyak direkodkan di negeri ini hasil daripada aktiviti pemburuan ikan asing invasif pemangsa atau spesies yang merosakkan ekosistem.

"Ikan ini mempunyai tabiat mengorek dinding tebing bagi membuat ruang untuk bertelur. Daripada aktiviti inventori dan pemburuan ikan asing, ikan ini paling banyak. Terutama di

sekitar Sungai Kinta dan Sungai Pinji," katanya selepas majlis penyerahan Jeli Nelayan Darat Kampung Chegar Galah dan pelepasan benih oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan, Pertanian & Industri Makanan negeri, Datuk Mohd. Zolkafly Harun di sini semalam.

Ikan bandaraya merupakan spesies ikan invasif yang mula membiak di kawasan perairan negara akibat pelepasan oleh penternak sejak beberapa tahun.

Mohd. Ghazali berkata, pihaknya akan membuat aktiviti pemburuan ikan tersebut secara berperingkat dan besar-besaran jika mempunyai peruntukan,

serta terbuka untuk bekerjasama dengan sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Katanya, pihaknya akan meneruskan tindakan menyerbu premis dan merampas ikan-ikan yang dilarang untuk dimiliki.

"perlu ada kebenaran khas untuk apa tujuan dia memiliki (ikan yang dilarang). Kalau hendak buat hiasan pun, apa tujuannya.

"Mereka ini mungkin ada kebolehan untuk membuat pembenihan dan mendapat untung hasil jualan benih. Misalnya ikan-ikan kecil seperti geophagus yang boleh dibuat pembenihan, namun akan mencetuskan masalah jika dilepaskan di perairan umum," katanya.



MOHD. ZOLKAFLY (tengah) melepaskan benih ikan ke dalam Sungai Perak di Jeli Nelayan Darat Kampung Chegar Galah dekat Padang Rengas semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

FAMA sasar jualan RM500,000 program Semarak Ramadan

BESUT: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu menyasarkan jualan pasar tani mencecah RM500,000 melalui program Semarak Ramadan.

Pengarahnya, Muhamad Fadlee Hassan berkata, lima lokasi utama pasar tani yang terlibat dengan jualan tersebut sepanjang Ramadan antaranya ialah Pasar Tani Kuala Berang di Hulu Terengganu, Sura Gate di Dungun, Hiliran di Kuala Terengganu, Chukai di Kemaman dan Pasar Tani Jertih di Besut.

“Melalui program ini, pengguna boleh mendapatkan bekalan hasil pertanian dan produk asas tani dengan penjimatan harga sebanyak 10 hingga 30 peratus,” katanya pada Majlis

Pelancaran Program Semarak Ramadan di Jertih di sini, semalam.

Mohamad Fadlee berkata, program itu secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan jualan tempatan di samping meringankan beban pengguna.

Sementara itu, beliau berkata, FAMA telah merekodkan nilai jualan sebanyak RM12.5 juta sepanjang tahun lalu.

“Bagi Januari tahun ini sahaja, kami meraih jualan RM1.7 juta dan menyasarkan sebanyak RM15 juta sehingga hujung tahun ini.

“Ia melibatkan jualan 10 pasar tani di seluruh negeri iaitu di Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Hulu Terengganu, Besut dan Setiu,” katanya.

Pasar Tani Terengganu tawar harga murah

BESUT – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu menganjurkan program Semarak Ramadan yang menawarkan hasil pertanian dan produk asas tani pada harga murah sebagai persiapan menyambut Ramadan pada hujung minggu.

Pengarah FAMA negeri, Muhammad Fadlee Hassan berkata, program Semarak Ramadan tersebut menawarkan hasil pertanian dan produk asas tani berkenaan pada harga antara 10 dan 30 peratus lebih murah daripada pasaran.

"Program Semarak Ramadan ini akan dianjurkan sepanjang bulan puasa ini di lima pasar tani utama di negeri ini.

"Lokasi yang terpilih ialah Pasar Tani Jertih di sini; Hiliran, Kuala Terengganu; Sura Gate, Dungun dan Chukai, Kemaman," katanya selepas melancarkan program Semarak Ramadan peringkat Terengganu di Pasar Tani Jertih di sini semalam.

Muhamad Fadlee berharap penganjuran program Semarak Ramadan di pasar tani terpilih tersebut dapat membantu meringankan beban pengguna sepanjang bulan Ramadan ini.

Beliau berkata, FAMA menyasar program tersebut dapat menjana pendapatan kira-kira RM500,000 sepanjang bulan Ramadan ini.

Dalam pada itu, Muhamad Fadlee memberitahu, nilai jualan rangkaian pasar tani seluruh negeri ini pada tahun lalu direkodkan sebanyak RM12.5 juta.

Beliau berkata, negeri ini mempunyai 10 tapak pasar tani di semua daerah kecuali Kuala Nerus dan Marang.

"Kita menyasar jualan pasar tani Terengganu pada tahun ini meningkat kepada RM15 juta.

"Setakat ini perkembangan amat positif apabila nilai jualan sebanyak RM1.7 juta telah berjaya dicapai pada bulan Januari lalu," katanya.



MUHAMAD FADLEE (dua dari kanan) beramah-mesra dengan salah seorang pengunjung program Semarak Ramadan di Pasar Tani Jertih, Besut semalam.

32 kakitangan Agrobank terima Sijil Pertanian Agrobank-UPM

PETALING JAYA – Seramai 32 kakitangan Agrobank menerima sijil graduan kumpulan kelima selepas menamatkan pengajian dalam Agrobank UPM Agriculture Certification Program (AUACP), baru-baru ini.

Program berkenaan memberi pendedahan kepada warga kerja Agrobank yang tidak mempunyai latar belakang pertanian untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal, bagi memastikan kecekapan perkhidmatan

mereka.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program selama tujuh bulan itu dilaksanakan secara separuh masa melalui kerjasama Jabatan Akademi Agrobank dan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak 2017.

"Seramai 132 peserta telah mendapat manfaat daripada pembelajaran holistik bidang pertanian yang merangkumi as-

pek teori dan praktikal.

"Program ini diperkasa dengan pembelajaran berasaskan pengalaman melalui lawatan ke premis perniagaan-tani terpilih di Pahang dan Terengganu termasuk Pekan Sehari Temerloh, kolam ikan, ladang vanila dan ladang melon.

"Usaha ini diharapkan melahirkan lebih ramai warga kerja Agrobank yang berpengetahuan luas dalam bidang pertanian," katanya dalam kenyataan.



KETUA Pegawai Operasi Agrobank, Zahid Ahmad Zawawi (depan, empat dari kiri) dan Dekan Fakulti Pertanian, UPM, Prof. Dr. Loh Teck Chwen (depan, lima dari kiri) bersama kakitangan Agrobank yang menerima sijil AUACP di Serdang, baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2025	SINAR HARIAN	SINAR ISLAM	22

Suluhan syariat dalam isu beras negara

Pendekatan itu berupaya urus industri tersebut dengan lebih adil dan efisien



DR MOHD SHAFIQ SAHIMI
Pensyarah Kanan,
Jabatan Pengajian
Islam (Kampus
Pagoh), Pusat
Pengajian Umum dan
Kokurikulum, Universiti
Tun Hussein Onn
Malaysia



SU bekalan dan harga beras negara terus menjadi perbincangan hangat dalam kalangan rakyat dan pakar ekonomi.

Sebagai makanan ruji utama, sebarang ketidakstabilan dalam bekalan atau kenaikan harga beras memberi kesan besar kepada kesejahteraan rakyat.

Apatah lagi, ia bukan sekadar soal makanan harian semata-mata, akan tetapi ia juga berkait rapat dengan kestabilan ekonomi dan keselamatan makanan negara.

Jika bekalan beras terganggu atau harganya melambung, bukan hanya rakyat akan terbeban, malah ia boleh mencetuskan krisis sosial dan politik.

Dalam menangani isu itu, prinsip syariat Islam boleh dijadikan panduan bagi memastikan keadilan dan kesejahteraan semua pihak khususnya petani serta pengguna.

Hukum asal dalam penetapan harga

Dalam prinsip syariat, asal hukum dalam urusan jual beli ialah tiada penetapan harga secara paksa oleh pemerintah. Sebaliknya, harga sesuatu barangan ditentukan oleh mekanisme

pasaran iaitu berdasarkan permintaan dan penawaran.

Hal itu berasaskan kaedah fiqh yang menyatakan 'Asal sesuatu perkara itu adalah harus kecuali ada dalil yang mengharamkannya'.

Namun, jika berlaku monopoli, penindasan atau spekulasi harga yang menyebabkan rakyat terhimpit, pemerintah mempunyai tanggungjawab untuk campur tangan bagi memastikan keadilan dalam pasaran.

Jika diteliti, salah satu faktor utama yang menyumbang kepada masalah bekalan dan harga beras negara adalah penswastan pengurusan membabitkan makanan ruji rakyat Malaysia itu.

Bayangkan apabila sektor penting seperti itu diserahkan kepada syarikat swasta, kepentingan keuntungan akan menjadi keutamaan berbanding dengan kebajikan rakyat.

Ia secara tidak langsung menyebabkan ketidaktelusan dalam pengurusan. Pada masa sama, situasi itu turut memberi ruang kepada manipulasi harga oleh pihak yang berkepentingan.

Seharusnya, pengurusan beras dikembalikan kepada negara agar kerajaan mempunyai kawalan penuh terhadap bekalan dan harga, sekali gus menjadikannya sebagai sumber pendapatan negara yang stabil.

Larangan pintas dagangan

Seperkara lagi, pemberian lesen kepada pelbagai pihak dalam pengedaran dan pengimportan beras juga membuka ruang kepada kewujudan kartel.

Situasi itu seiring dengan amaran Rasulullah SAW dalam hadis mengenai konsep *Tallaqqi al-Ruqban* atau *Bay' Hadir li-Badin* iaitu larangan terhadap pihak bandar membeli barangan daripada pedagang luar sebelum mereka tiba di pasar dan mengetahui harga sebenar.

Diriwayatkan bahawa Abu Hurairah RA berkata: "Nabi Muhammad SAW melarang manusia memintas dagangan, jika ia dipintas oleh seseorang dan orang ini

membelinya, maka pemilik barangan tadi berhak menuntut khayar (pilihan untuk meneruskan jualan atau sebaliknya) jika dia tiba di pasar." (Hadis Riwayat Muslim)

Hadis itu jelas memberi gambaran bagaimana aktiviti perantara yang tidak telus boleh merugikan pihak pengeluar dan pengguna.

Dalam konteks industri beras, apabila hanya segelintir pihak yang diberi kuasa dalam rantai bekalan, mereka boleh diserahkan sepenuhnya kepada mekanisme pasaran bebas atau syarikat swasta.

Sesungguhnya, beras adalah keperluan asas yang tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada mekanisme pasaran bebas atau syarikat swasta.

Bagi memastikan kesejahteraan rakyat, beberapa langkah perlu diambil perhatian. Ia termasuklah dalam perkara membabitkan:

1 Penetapan harga beras berdasarkan kos petani - Harga perlu mengambil kira modal, tenaga kerja dan kos operasi yang ditanggung petani agar mereka tidak teraniaya.

2 Mengembalikan pengurusan beras kepada kerajaan - Langkah itu akan memastikan kawalan lebih ketat terhadap bekalan dan harga, selain menjadi sumber pendapatan negara.

3 Mengelakkan kewujudan kartel dan birokrasi - Kerajaan perlu memastikan tiada monopoli dalam industri beras dan mewujudkan sistem pengurusan yang lebih telus serta adil.

Dengan mengambil pendekatan berasaskan syariat, industri beras negara dapat diurus dengan lebih adil dan efisien, sekali gus menjamin kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

BERAS bukan sekadar soal makanan harian semata-mata, tetapi juga berkait rapat dengan kestabilan ekonomi dan keselamatan makanan negara.

